



KEHAMILAN LUAR RAHIM

Kehamilan luar rahim juga dikenali sebagai kehamilan ektopik. Ianya merupakan keadaan di mana janin membesar di ruang selain dari ruang kaviti rahim seperti di tiub fallopio dan ovari. Jika tidak dirawat dengan segera, janin yang semakin membesar boleh menyebabkan organ berkenaan pecah dan seterusnya berlaku pendarahan yang teruk serta membawa maut.

Kehamilan Normal




Kehamilan Ektopik



Tanda utama kehamilan luar rahim adalah **SAKIT DI BAHAGIAN BAWAH PERUT** dan **TIDAK DATANG HAID**.

APA YANG PERLU ANDA BUAT?

Segera ke hospital untuk mendapatkan pemeriksaan.



TAHUKAH ANDA

1 dalam 15 kematian ibu adalah disebabkan oleh kehamilan luar rahim.



PENGESANAN DAN RAWATAN AWAL BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA ANDA.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Website: <http://fh.moh.gov.my>

Terbitan: Tahun 2019

